

Pembersihan Sungai Segget selesai suku ketiga 2016

Johor Bahru: Fasa pertama Program Transformasi Johor Bahru yang memabatkan kerja pembersihan dan pengindahan Sungai Segget di sini, dijangka siap sepenuhnya pada suku ketiga tahun depan.

Ketua Pegawai Eksekutif Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA), Datuk Ismail Ibrahim (**gambar**), berkata kerja pengindahan sungai sepanjang 1.45 kilometer dengan kos RM220 juta itu termasuk pelaksanaan projek tebatan banjir yang dilaksanakan.

Katanya, projek terabit mula dilaksanakan sejak akhir tahun lalu dan apabila siap, ia bakal mengubah landskap pembangunan zon pusat bandar raya Johor Bahru dalam tempoh lima tahun akan datang.

“Usaha menghidupkan semula bandar raya Johor Bahru ini seiring dengan kerancangan pembangunan di Nusajaya yang terletak dalam wilayah Iskandar Malaysia.

“Menerusi projek pengindahan Sungai Segget ini, ia bakal menambah baik kualiti air sungai

berkenaan,” katanya.

Ismail berkata, Program Transformasi Johor Bahru itu juga merangkumi pembangunan semula Menara KOMTAR yang dikenali sebagai Komtar Johor Bahru City Centre (KOMTAR JBCC) dan sistem pengangkutan bersepadu memabatkan Bas Rapid Transit (BRT).

“Program transformasi itu juga bukan sahaja dari aspek pembangunan komersial tetapi pengisianya turut diambil kira dengan pelbagai program dan festival sepanjang tahun yang akan dilaksa-



nakan dengan kerjasama Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB),” katanya.

Mengulas kesesakan yang berlaku ekoran pelaksanaan projek Sungai Segget ketika ini, Ismail berkata, berdasarkan simulasi yang dijalankan pada Oktober 2012, mendapati dua laluan sedia ada sudah mencukupi untuk kenderaan awam dan persendirian.

BH 19/1/15